



Liberty
Insurance

Rakan Pemandu 2 Terma & Syarat

POLISI INSURANS RAKN PEMANDU NILAI YANG DIPERSETUJUI

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan yang dinamakan dalam jadual bersama-sama ini telah membuat kepada Liberty Insurance Berhad (16688-K) (kemudian dari ini disebut "Syarikat") suatu Cadangan dan Perisytiharan bertulis yang telah dipersetujui Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap bersifat janji hutang dan berkuat kuasa dan menjadi asas Kontrak ini dan dianggap tergabung di dalam ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual sebelumnya sebagai balasan untuk Insurans yang kemudian dari ini diperuntukkan.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual bersama-sama ini atau dalam mana-mana Tempoh selanjutnya dengan Syarikat boleh menerima bayaran untuk pembaharuan Polisi ini sebagai balasan bagi Insurans yang sedemikian yang diberikan berhubung dengan pemandu dan/atau penumpang(-penumpang), dengan izin Pihak Diinsuranskan, memandu atau menumpang sebagai penumpang(-penumpang) yang naik atau turun dari kenderaan yang dinyatakan dalam Polisi, atas apa-apa kecederaan anggota yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan teruk yang tidak sengaja secara luaran dan nampak dan merupakan sebab kematian atau cacat anggota sebagaimana yang ditakrifkan kemudian daripada ini, maka Syarikat akan membayar jumlah atau jumlah-jumlah wang yang ditetapkan dalam Jadual dan dengan cara yang dinyatakan kemudian dari ini.

FAEDAH

Insurans yang diberikan hanya berhubung dengan kecederaan anggota melalui kemalangan teruk yang tidak sengaja dan nampak semata-mata dan tidak ada kena-mengena dengan apa-apa sebab lain.

Seksyen I – Kehilangan Nyawa

Sekiranya kecederaan mengakibatkan kehilangan nyawa pemandu dan/atau penumpang kenderaan yang dinamakan dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kemalangan, Syarikat akan membayar RM20, 000.00 setiap orang.

Seksyen II – Kehilangan Anggota

Kehilangan penglihatan dan kehilangan anggota sekiranya kecederaan tidak mengakibatkan kehilangan nyawa pemandu dan/atau penumpang kenderaan yang dinamakan dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari selepas kejadian kemalangan tetapi mengakibatkan mana-mana kehilangan yang berikut dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari yang tersebut, syarikat akan membayar untuk kehilangan bagi:

Jaduah Faedah	Jumlah Dilindungi (RM)
Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	RM20,000.00
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM20,000.00
Kehilangan satu tangan dan satu kaki	RM20,000.00
Kehilangan Penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM20,000.00
Kehilangan satu tangan atau satu kaki	RM10,000.00
Kehilangan penglihatan satu mata	RM10,000.00

"Kehilangan" seperti yang di atas digunakan dengan rujukan kepada tangan atau kaki bermaksud pemutusan sepenuhnya di atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki, dan digunakan dengan rujukan kepada mata bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan lagi.

Kejadian apa-apa kehilangan khusus yang boleh dibayar pampasan di bawah bahagian ini hendaklah sekali gus menamatkan semua insurans di bawah polisi ini, tetapi penamatan sedemikian hendaklah tanpa prasangka terhadap apa-apa tuntutan yang berpunca daripada kemalangan yang mengakibatkan kehilangan sedemikian.

Pampasan tidak akan dibayar di bawah apa-apa keadaan untuk lebih daripada satu kehilangan, iaitu kehilangan terbesar yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

Seksyen III - Perbelanjaan Pembayaran Ganti Perubatan

Sekiranya atas sebab-sebab kecederaan, Pihak Diinsuranskan memerlukan rawatan oleh pakar perubatan atau pakar bedah yang layak dari segi undang-undang, kemasukan ke hospital atau menggunakan khidmat jururawat berlesen atau siswazah, Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam masa lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan sedemikian, caj hospital, dan bayaran jururawat tetapi tidak melebihi amaun boleh dibayar agregat sebanyak RM500.00 setiap orang akibat mana-mana satu (1) kemalangan.

PERUNTUKAN KHAS

Sekiranya bilangan sebenar penumpang melebihi bilangan yang dinyatakan dalam perisytiharan polisi, Had Liabiliti Syarikat bagi setiap orang akan diturunkan mengikut nisbah bilangan sebenarnya penumpang kepada bilangan penumpang yang diisytiharkan.

Pengehadan ini hendaklah tidak diterima pakai terhadap pemandu.

(Penumpang yang berumur 3 hingga 15 tahun berhak mendapat sehingga 50% daripada semua faedah yang diperuntukkan).

KEKECUALIAN

Insurans ini tidak diterima pakai:

1. (a) untuk kehilangan yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh
 - (1) jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku melalui luka tidak sengaja);
 - (2) apa-apa jenis penyakit lain;
 - (3) rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang perlu semata-mata kerana kecederaan yang dilindungi oleh polisi ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan dalam polisi).
 - (b) untuk apa-apa kecederaan anggota yang akan mengakibatkan hernia.
 - (c) untuk bunuh diri atau apa-apa percubaan berbuat demikian (siuman atau tidak siuman).
 - (d) untuk kehilangan yang disebabkan oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, konspirasi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengendalian pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan, rampasan, kuarantin, atau peraturan kastam atau pemilikan negara oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di waktu aman atau perang. Kecualian ini hendaklah tidak terjejas oleh apa-apa pengendorsan yang tidak merujuknya secara khusus, secara keseluruhan atau sebahagiannya. Pihak Diinsuranskan hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian, dan sebagai syarat yang mendahului apa-apa liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kehilangan itu tidak dengan apa-apa cara timbul atau melalui mana-mana keadaan atau sebab yang dikecualikan di atas.
 - (e) untuk kehilangan yang terjadi semasa kenderaan digunakan untuk sewa, lumba, rali jalan raya, penentuan rentak, pengujian laju atau penggunaan untuk apa-apa tujuan yang berhubung dengan perdagangan kenderaan motor.
 - (f) untuk pemandu jika pemandu sedemikian tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu automobil atau tidak layak untuk memegang atau mendapat lesen pemandu yang sah sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.
 - (g) apabila kenderaan digunakan untuk aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang sebagai pengangkutan umum tidak berlesen.
 - (h) untuk kelahiran anak, keguguran, menggugurkan kandungan atau kehamilan.
 - (i) Semasa pemandu di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan, alkohol atau dadah.
2. Polisi ini tidak akan melindungi kematian, cacat anggota (sama ada kekal atau sementara) atau perbelanjaan perubatan yang dianggap berpunca secara langsung atau secara tidak langsung daripada HIV (Virus Keimunodefisienan Manusia), dan/atau apa-apa penyakit yang berhubung dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan) dan/atau apa-apa terbitan atau variasi mutannya.

SYARAT-SYARAT

1. Pembayaran berhubung dengan apa-apa premium hendaklah tidak dianggap menjadi pembayaran kepada Syarikat melainkan resit berbentuk cetakan telah ditandatangani oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa sewajarnya telah dikeluarkan kerana itu.
2. Semua notis yang dikehendaki diberikan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah secara bertulis dialamatkan kepada Cawangan atau Agensi Syarikat tempatan yang terdekat dan tiada perubahan dalam terma-terma Polisi ini ataupun apa-apa pengendorsan terhadapnya akan dianggap sah kecuali perkara yang serupa ditandatangani atau diparapi oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

- Syarikat hendaklah pada bila-bila masa dengan memberi notis empat belas (14) hari kepada Pihak Diinsuranskan melalui Surat Berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui oleh Syarikat, bebas menentukan dan membatalkan Polisi ini, dengan syarat Syarikat hendaklah dalam hal ini atas tuntutan mengembalikan kepada Pihak Diinsuranskan bahagian premium pada kadar yang sepadan dengan tempoh insurans yang belum luput. Polisi ini juga boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan dengan notis kepada Syarikat, dan dalam hal ini Pihak Diinsuranskan hendaklah berhak mengembalikan premium ditolak premium pada Kadar Denda Mungkir Syarikat untuk masa Polisi yang telah dikuatkuasakan pada tempoh insurans semasa waktu itu.

KADAR DENDA MUNGKIR

Tidak melebihi satu bulan kalendar	_____	25%
Melebihi satu bulan tetapi sehingga 3 bulan	_____	50%
Melebihi tiga bulan tetapi sehingga 6 bulan	_____	75%
Melebihi enam bulan tetapi sehingga 9 bulan	_____	90%
Melebihi sembilan bulan	_____	100%

4. MASA NOTIS TUNTUTAN

Notis bertulis tentang kecederaan yang menjadi asas tuntutan mesti diberikan kepada Syarikat dalam masa empat belas (14) hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan sedemikian. Sekiranya berlaku mati kemalangan, notis segera tentang hal ini mestilah diberikan kepada Syarikat.

5. KECUKUPAN NOTIS

Notis sedemikian oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan atau Benefisiari, mengikut kes, yang diberikan kepada Syarikat atau kepada mana-mana ejen Syarikat yang diberikan kuasa, dengan butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai notis kepada Syarikat. Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam polisi ini hendaklah tidak mentaksahkan apa-apa tuntutan jika dibuktikan secara munasabah bahawa notis sedemikian tidak dapat diberikan dan bahawa notis telah diberikan secepat mungkin apabila munasabah.

6. BORANG UNTUK BUKTI KEHILANGAN

Syarikat, apabila menerima notis sedemikian, akan membekalkan kepada pihak menuntut borang -borang sedemikian, sebagaimana yang biasa dibekalkannya untuk memfailkan bukti kehilangan.

7. MASA UNTUK MEMFAILKAN BUKTI KEHILANGAN

Bukti pengakuan kehilangan mesti dibekalkan kepada Syarikat di pejabatnya yang disebutkan dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kehilangan sedemikian.

8. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Syarikat hendaklah diberi hak dan peluang untuk memeriksa orang yang Diinsuranskan sekerap yang mungkin diperlukan secara munasabah dalam tempoh tuntutan di bawah dokumen ini, dan juga diberi hak dan peluang untuk membuat autopsi sekiranya berlaku kematian jika tidak dilarang oleh undang-undang.

9. PEMBAYARAN TANGGUNG RUGI SERTA-MERTA

Semua tanggung rugi yang diperuntukkan dalam polisi ini akan dibayar serta-merta selepas penerimaan bukti yang wajar:

10. TUNTUTAN MELALUI PIHAK DIINSURANSKAN DINAMAKAN

Semua tuntutan di bawah ini hendaklah diserahkan melalui Pihak Diinsuranskan yang dinamakan.

11. KEPADA SIAPA PAMPASAN BOLEH DIBAYAR

Apa-apa pampasan yang boleh dibayar di bawah polisi ini kepada Pihak Diinsuranskan dan/atau pemanduan /atau penumpang(-penumpang) semasa memandu atau menaiki sebagai penumpang(-penumpang) di dalamnya dan/atau menaiki dan/atau menuruni kenderaan yang dinyatakan dalam polisi hendaklah dibayar kepada Pihak Diinsuranskan dan sekiranya berlaku kehilangan nyawa Pihak Diinsuranskan semua pampasan sedemikian hendaklah dibayar kepada wakilnya yang sah di sisi undang-undang dan penerimaan Pihak Diinsuranskan atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah melepaskan tanggungan sepenuhnya bagi apa-apa atau semua tuntutan yang berserta dengan polisi ini.

12. **HAK-HAK BENEFISIARI**

Persetujuan Benefisiari hendaklah tidak menjadi suatu keperluan untuk menyerahkan atau menyerah hak polisi ini, atau menukar Benefisiari, atau untuk apa-apa perubahan lain dalam polisi ini.

13. **HAD-HAD MASA UNTUK TINDAKAN GUAMAN**

Tindakan menurut undang-undang atau dari segi ekuiti hendaklah tidak diambil untuk mendapatkan balik polisi ini sebelum habis tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian telah difaikan menurut keperluan polisi ini, dan tindakan sedemikian juga hendaklah tidak diambil melainkan diambil dalam tempoh dua (2) tahun dari tamat tempoh masa bagi bukti kerugian diperlukan oleh polisi.

14. **HAD-HAD YANG DIKAWAL OLEH STATUT**

Jika pada bila-bila masa had polisi ini, berhubung dengan memberi notis tuntutan atau memberikan bukti kerugian, adalah kurang daripada yang dibenarkan oleh undang-undang negeri tempat Pihak Diinsuranskan tinggal pada masa polisi ini dikeluarkan, had SEDEMIKIAN adalah dengan ini dilanjutkan untuk disesuaikan dengan tempoh minimum yang dibenarkan oleh undang-undang sedemikian.

15. **PEMBATALAN OLEH PIHAK DIINSURANSKAN YANG DINAMAKAN**

Jika Pihak Diinsuranskan yang dinamakan pada bila-bila masa membatalkan pendaftaran kenderaan atau memindah milik kereta yang ditetapkan dalam polisi, Syarikat atas permintaan bertulis Pihak Diinsuranskan, dan penyerahan polisi, akan membatalkannya dan akan mengembalikan kepada Pihak Diinsuranskan premium tidak terperoleh. Walau bagaimanapun, premium yang diperoleh hendaklah dikira selaras dengan peraturan, denda mungkir, pelan perkadaran Syarikat, yang diterima pakai bagi insurans ini.

16. **TAKRIF**

Di mana sahaja dalam polisi ini perkataan "Syarikat" digunakan, ia hendaklah bermakna Syarikat yang mengeluarkannya, dan di mana sahaja perkataan "Pihak Diinsuranskan" digunakan, ia hendaklah bermakna pemohon yang dinamakan dalam salinan permohonan. Di mana sahaja perkataan "Benefisiari" digunakan, ia hendaklah bermakna orang yang dinamakan "Benefisiari" dalam item 1 Perisytiharan polisi ini atau orang yang digantikan sedemikian. Di mana sahaja perkataan "Kecederaan" digunakan, ia hendaklah bermakna kecederaan anggota berkesan seperti yang diperihalkan dalam fasal insurans, dan dimana sahaja perkataan "kenderaan" digunakan, ia hendaklah bermakna untuk kegunaan persendirian sahaja.

17. **PENYERAHAN HAK**

Penyerahan hak kepentingan di bawah polisi ini hendaklah tidak terikat atas Syarikat melainkan dan sehingga salinan asal atau penduanya difaikan di Ibu Pejabat. Syarikat tidak memikul apa-apa tanggungjawab bagi mengesahkan penyerahan hak. Perubahan Benefisiari di bawah polisi ini hendaklah tidak mengikat Syarikat, melainkan persetujuannya secara rasmi disokong di dalam ini oleh seorang pegawai eksekutif Syarikat. Peruntukan piagam, perlembagaan atau undang-undang kecil Syarikat ini hendaklah tidak digunakan dalam mempertahankan apa-apa tuntutan yang timbul di bawah polisi ini, melainkan peruntukan sedemikian telah digabungkan sepenuhnya dalam polisi ini.

18. **PEMATUHAN PERUNTUKAN POLISI**

Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan yang terkandung dalam polisi ini hendaklah menyebabkan semua tuntutan di bawah ini menjadi tidak sah.

19. **PEMBAHARUAN**

Polisi ini boleh diperbaharui dengan persetujuan Syarikat dari suatu tempoh ke suatu tempoh, dengan pembayaran premium terlebih dahulu pada kadar premium Syarikat yang berkuat kuasa pada masa pembaharuan.

20. **BAYARAN PREMIUM (BAYAR SEBELUM LINDUNG)**

Polisi ini hendaklah secara automatik tamat atau luput jika premium tidak diterima dari tarikh permulaan atau pembaharuan polisi ("*CBC*"- *CASH BEFORE COVER*) melainkan dengan cara lain yang dipersetujui dan diendors di dalam dokumen ini. Syarikat berhak menentukan kadar premium yang baharu pada akhir setiap tahun polisi, apabila terma Polisi ini ditukar atau berpandukan sejarah tuntutan Pihak Diinsuranskan yang merugikan.

NOTIS PENTING:

- A) Untuk perlindungan anda sendiri, anda dinasihati secara khusus untuk membaca Polisi anda dan, jika tidak betul harta tertentu, hendaklah memastikan bahawa semua Polisi memerihalkannya dalam syarat-syarat yang serupa.
- B) Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam mentafisiran mana-mana terma dan syarat kontrak ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.
- C) Anda dinasihatkan untuk mencalonkan penama serta memastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi kemalangan diri yang telah dibeli.

SALURAN PENYELESAIAN ADUAN INSURANS ANDA

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklumbalas atau keputusan Syarikat Kami, Anda boleh mengemukakan aduan Anda kepada saluran-saluran dibawah. Sila semak dengan Unit Aduan Syarikat Kami tentang saluran yang betul untuk mengemukakan aduan Anda.

- a) **Customer Complaints Unit /Unit Aduan Pelanggan
LIBERTY INSURANCE BERHAD**
Tingkat 10, Menara Liberty, 1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2619 9000 (G/L) Ext. 9170 or 1-300-888-990
Fax No.: 03-2693 2893
- b) **Customer Services Bureau (CSB)
Consumer and Market Conduct Department
Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP)**
Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran,
7A Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2698 8044
Fax No.: 03-2694 5986
- c) **Ombudsman for Financial Services (664393P) /
Biro Pengantaraan Kewangan (664393P)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)**
Tingkat 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2272 2811
Fax No.: 03-2272 1577